

NO. SOALAN : 193

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN NGA KOR MING
[TAIPING]**

SOALAN :

YB. Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan bilakah proses pengiktirafan dan perwartaan 'Taiping 33 first' sebagai warisan sejarah negara dapat disiapkan sepenuhnya demi menyambut Tahun Melawat Negeri Perak 2017 dan apakah status terkini perkara ini.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Jabatan Warisan Negara sehingga kini sedang giat melaksanakan pemertaaan mana-mana bangunan yang didapati memenuhi kriteria seperti yang dinyatakan pada Seksyen 67(2), Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Ia merupakan usaha berterusan bagi memastikan bangunan dan tapak warisan di seluruh negara terpelihara serta kekal untuk diwarisi oleh generasi akan datang. Pemertaaan yang sedang dijalankan turut melibatkan bangunan 33 Taiping Many First. Sebagai makluman, sehingga kini beberapa bangunan yang termasuk dalam senarai 33 Taiping Many First telah pun diwartakan iaitu Gereja All Saint, Muzium Perak, Penjara Taiping, Bangunan Pejabat Daerah dan Tanah Larut, Matang dan Selama, Perpustakaan Awam Taiping, Kota Ngah Ibrahim dan Sekolah Menengah King Edward VII(I).

Selain perlu melengkapkan kajian, proses pemertaaan akan melalui beberapa proses lain seperti Notis Niat dan Proses Bantahan yang akan melibatkan kerjasama daripada agensi Kerajaan yang lain seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pihak Berkuasa Negeri. Untuk itu, sekali lagi, besarlah harapan kami agar Pihak Berkuasa Negeri mempertimbangkan dan memberi keizinan ke atas permohonan yang telah dibuat oleh Kementerian ini untuk mewartakan beberapa tapak di Taiping termasuk Stesen Keretapi Taiping, Taman Tasik Taiping, SK Convent Kota, Taiping dan Bangunan Sanitary Board (Majlis Perbandaran Taiping), Taiping.

Sekian, terima kasih.